

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا ﴿١﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ، وَشَفِّعِ الْأُمَّةَ، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَتَصَرَّهُ وَوَالَاهُ.
أَمَا بَعْدَ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

HADIRIN JEMAAH AIDILFITRI YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bersempena Hari Raya Aidil Fitri yang mulia dan hari berkat ini, marilah kita kukuh dan mantapkan taqwa kepada Allah Ta'ala dengan taqwa yang sebenar-benar taqwa. Taqwa dalam erti kata melaksanakan segala titah perintah Allah SWT serta meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Kerana sifat taqwa itu membentuk umat yang beriman, berakhlak mulia, bersabar dan berjiwa syukur. Sesungguhnya semulia-mulia hamba ialah orang yang bertaqwa, firman Allah SWT:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَاتُكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿٣﴾

Maksudnya: "...Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)". (Surah Al-Hujuraat, ayat 13)

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَالْحَمْدُ

MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Tiga mesej penting kepada umat Islam yang berpuasa, iaitu cukupkan puasa sebulan Ramadan, membesarkan Allah SWT dengan takbir dan tahmid serta bersyukur kepada-Nya. Firman Allah Ta'ala:

Oleh itu, bersama-sama kita bersihkan iman, mantapkan kefahaman dengan sentiasa belajar dan menambah ilmu pengetahuan supaya kita selamat dari segala perbuatan khurafat, tahyul dan amalan syirik yang mungkin tidak disedari sama ada dalam niat, kata-kata, amalan dan tindakan.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ

MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG BERBAHAGIA,

Sambutl dan rayakanlah Aidil Fitri yang mulia ini dengan mendaulatkan ajaran dan Syariat Islam dengan melaksanakan setiap yang diperintahkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴾

Maksudnya: “...Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amatlah berat azab siksa-Nya (bagi orang yang melanggar perintah-Nya)”. (Surah Al-Hasyr, ayat 7)

Islam adalah agama yang syumul dan lengkap untuk semua bidang kehidupan manusia, firman Allah SWT:

﴿ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي ۚ وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ﴾

Maksudnya: “...Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu...” (Surah Al-Maidah, ayat 3)

Sehubungan itu, umat Islam hendaklah menjadikan Syariat Islam itu sebagai landasan kehidupan dalam segala sistem, peraturan, amalan, akhlak dan juga tindakan termasuk ketika menyambut Hari Raya Aidil Fitri. Ini bermakna umat Islam wajib menjadikan ajaran dan Syariat Islam yang termaktub di dalam Al-Quran, Sunnah Rasulullah SAW serta Ijmak dan Qiyas sebagai asas, dasar dan panduan terbaik dalam kehidupan, sosial, pendidikan, ekonomi, pengurusan, politik dan lain-lain.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ

MUSLIMIN MUSLIMAT RAHIMAKUMULLAH,

Sambut dan rayakanlah Aidil Fitri ini dengan bersyukur kepada Allah SWT kerana kurniaan-Nya teramat banyaknya, antaranya nikmat iman, Islam, kehidupan yang aman damai, kesihatan, rezeki dan nikmat Hari Raya Aidil Fitri yang kita rayakan pada hari ini, dengan sambutan yang terbaik menurut lunas-lunas ajaran dan Syariat Islam dengan amalan yang menambahkan ketaatan dan dekatnya kita kepada Allah SWT, yakni buatlah yang Allah SWT suka dan tinggalkan amal perbuatan yang Allah SWT murka.

Kerana perintahnya di dalam Al Quran, firman-Nya:

﴿ وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴾

Maksudnya: “Dan ingatlah tatkala Tuhanmu memberitahu: Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras”. (Surah Ibrahim, ayat 7)

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Maksudnya: “Sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan dia pada hari akhirat kelak dari orang yang rugi”. (Surah Ali ‘Imran, ayat 85)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA HARI RAYA AIDIL FITRI TAHUN 1437H/2016H

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ
الْمُشْرِكُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَزُخْرِنَا وَقُدُوتِنَا وَأَسْوْتِنَا مُحَمَّدٍ إِمَامِ
الْمُتَّقِينَ وَقَائِدِ الدُّعَاةِ الْمُجَاهِدِينَ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَىٰ نَهْجِهِ وَجَاهَدَ
بِجِهَادِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ

أَمَّا بَعْدُ. فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. وَتَزَوَّدُوا
فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

MUSLIMIN MUSLIMAT JEMAAH AIDILFITRI YANG DIHORMATI,

Sebagai umat Islam yang beriman dan bersyukur serta memperoleh kesan ibadah puasa sebulan Ramadan, tentunya menambahkan lagi ketaatan dan kesukaan kepada menurut segala perintah Allah SWT, sekaligus meninggalkan segala yang dilarang dan tidak disukai oleh Allah SWT dan Rasul-Nya.

Justeru itu, sambut dan rayakanlah Aidil Fitri yang mulia ini dengan mengikut panduan ajaran dan Syariat Islam, antaranya:

1. Menjaga solat fardu lima waktu, walau sesibuk mana kita berhari raya dan melayan tetamu yang berkunjung.
2. Menjaga pergaulan supaya dapat memelihara batas-batas pergaulan supaya dapat mengelak perkara dosa.
3. Mengucapkan ucapan “TAQABBALLALLAHU MINNA WA MINKUM” ketika bertemu.
4. Saling ziarah-menziarah dan saling member hadiah akan menambah kasih sayang.
5. Saling bermaaf-maafan akan mengugurkan dosa-dosa.

6. Memperbanyak sedekah dan meraikan golongan fakir miskin akan menambahkan rezeki dan hubungan kasih sayang.
7. Mengelakkan pembaziran dalam menjamu dan menyediakan juadah. Membazir itu akan menjadi saudara syaitan.

Khatib ingin mengingat jemaah yang dikasihi, jika selama ini ada yang tidak bertegur sapa cuma kerana perkara kecil, kerana harta, kerana perbezaan pendapat atau seumpamanya sehingga bertahun-tahun lamanya. Inilah ketikanya, saat paling indah kita sebagai sanak saudara, adik-beradik, anak, emak, ayah, ipar duai, jiran, sahabat dan rakan supaya saling bertegur sapa, bersalaman dan bermaafan, ziarah-menziarah dan mengukuhkan kembali tali ukhuwah dan persaudaraan, kerana sungguh besar kebaikan dan pahalanya di sisi Allah SWT. Lupakan segala salah silap, hapuslah segala hasad dengki, permusuhan dan sebagainya.

Ingatlah, pesan Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud: “*Janganlah kamu saling benci-membenci, janganlah kamu dengki-mendengki dan janganlah kamu sindir-menyindir, jadilah kamu sebagai hamba-hamba Allah yang bersaudara. Haram seorang muslim berkelahi dengan saudaranya lebih dari tiga hari lamanya*”. (HR Imam Al-Bukhari dan Muslim)

Seterusnya, Rasulullah SAW juga menganjurkan supaya umatnya melaksanakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal, sebagaimana sabdanya yang bermaksud: “*Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan kemudian dia berpuasa enam hari di bulan Syawal, maka ganjarannya seperti berpuasa sepanjang tahun*”. (HR At-Thabrani)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

JEMAAH AIDIL FITRI YANG DIMULIAKAN,

Marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Junjungan yang kita kasihi Rasulullah SAW, kerana Allah SWT dan para malaikat-Nya juga sentiasa berselawat kepada baginda Rasulullah SAW, sebagaimana firman-Nya di dalam Al-Quran:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah Ta’ala dan para malaikat-Nya sentiasa berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW, wahai orang yang beriman! Berselawatlah kamu ke atasnya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan ke atasnya dengan sepenuhnya*”. (Surah Al-Ahzab, ayat 56)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ،
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالدِّينَا وَعَنْ جَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ إِيمَانًا كَامِلًا، وَيَقِينًا صَادِقًا،
وَلِسَانًا ذَاكِرًا، وَقَلْبًا خَاشِعًا، وَعَمَلًا صَالِحًا مُتَقَبَّلًا. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ مِنْ كُلِّ بَلِيَّةٍ،
وَنَسْأَلُكَ تَمَامَ الْغِنَى عَنِ النَّاسِ. اللَّهُمَّ حَبِّبْ إِلَيْنَا الْإِيمَانَ وَزَيِّنْهُ فِي قُلُوبِنَا، وَكَرِّهْ إِلَيْنَا

الْكَفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ، وَاجْعَلْنَا مِنَ الرَّاشِدِينَ

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَالنِّفَاقَ وَالْمُنَافِقِينَ، وَالظُّلْمَ وَالظَّالِمِينَ، وَدَمِّرِ الْكُفْرَةَ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ انصُرِ الْمُجَاهِدِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ صَاحِبَ الْمَعَالِي تَوَانِ يَغِ تَرَاوَتَامِ يَغِ دَفَرْتُوا نَكْرِي سَابِهَ عَفَرَ اللَّهُ لَهُ بِمَا تُحِبُّ وَتَرْضَاهُ، كَمَا نَسَأَلُكَ اللَّهُمَّ أَنْ تُصَلِّحَ أَيْمَتَنَا وَوَلَاتَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعْظُمُ لِعَظْمِكُمْ تَذَكُّرُونَ. وَادْكُرُوا اللَّهَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ



Disediakan oleh :
BAHAGIAN PENYELIDIKAN & INFORMASI
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

“TAQABBALALLAHU MINNA WAMINKUM”
SELAMAT MENYAMBUTAIDIL FITRI 2015,
MAAF ZAHIR DAN BATIN DARI KAMI SELURUH KAKITANGAN JHEAINS SELURUH SABAH